

Konvensyen UMNO Johor Ogos depan

JOHOR BAHRU, Isnin.— UMNO Johor akan mengadakan konvensyennya tiga hari di Desaru mulai 19 Ogos depan. Konvensyen ini akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam yang juga Ketua

Perhubungan UMNO Johor.

Berucap selepas mengetahui perjumpaan ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Johor di Saujana petang semalam, Datuk Musa juga berkata, Yayasan Pelajaran UMNO Johor yang

ditubuhkan Mac lalu kini mempunyai wang \$250,000.

Sebanyak \$100,000 dari wang ini diperuntukkan oleh Perhubungan UMNO Johor manakala lebihnya sumbangal dari orang ramai.

Datuk Musa berkata, Pengerusi Biro Pela-

jaran Perhubungan UMNO Johor Encik Mahyuddin Mohd Yassin telah ditugaskan mengendalikannya ini yang tujuan utamanya mengalakkan bidang pelajaran di kalangan penduduk Johor.

Ini adalah perjumpaan kali ketiga per-

hubungan tersebut tahun ini, perjumpaan pertama di Labis dan kedua di Muar.

Sementara itu, di perjumpaan semalam, tiga ahli Jawatankuasa Perhubungan baru hadir buat pertama kali mewakili Bahagian masing-masing.

Datuk Shahrir Abdul Samad mewakili Bahagian Johor Baharu, Encik Yahya Mohamad mewakili Bahagian Segamat dan Haji Eban Salleh mewakili Bahagian Renggam.

Ketiga mereka baru sahaja terpilih sebagai Ketua Bahagian, di Bahagian masing-masing apabila mesyuarat perwakilan diadakan selepas pilihanraya.

Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Johor yang juga menjadi Ketua UMNO Bahagian Pagoh Tan Sri Haji Othman Saat telah tidak hadir, begitu juga Ketua UMNO Bahagian Pulai, bekas Menteri Penerangan Datuk Mohamad Bahmat, Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat Datuk Jalal Abu Bakar yang juga menjadi Ahli Exco Kerajaan Johor dan Ketua UMNO Bahagian Ledang Datuk Ngah Abdul Rahman.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2871
No. Penerimaan 616/85